



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	19/12/2019	MUKA SURAT : 33
JABATAN	:	JPSM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Kebun gondol, pokok getah lesap

**Warga emas
terkejut kebun
seluas hampir
satu hektar
diceroboh**

HAMIZAH BASIR

GEMENCHEH

Kebun getah seorang warga emas bertukar menjadi padang jarak padang tektur akibat diceroboh individu tidak bertanggungjawab.

Lebih malang lagi pokok getah yang sebelum ini ditanam di kebun seluas hampir satu hektar itu turut diebang tanpa kebenaran dan dilarikan:

Pemilik kebun, Ramlah Ab Manaf, 63, berkata, dia terkejut melihat kebunnya di jalan Batang Rokan di sini menjadi gondol akibat perbuatan pencuri.

"Kelmarin saya menghadiri kenduri kahwin di Bukit Rokan dan apabila melalui jalan tersebut, saya terkejut melihat kebun saya sudah 'terang'.

"Saya dengan anak lelaki segera melihat dari dekat dan memang betul kebun saya seperti padang jarak padang tektur, habis pokok getah saya diebang," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Menurutnya, dia menyangsai kebunnya diceroboh pihak tidak dikenali kerana tiada mana-mana individu atau syarikat meminta izin untuk mene-



Ramlah menunjukkan laporan polis yang dibuat kelmarin.

bang pokok getahnya.

"Kebun mak cik tak pernah orang ceroboh, ini kali pertama kejadian ini berlaku.

"Mak cik terkejut dan sedih sangat kerana ini kebun pusaka yang ditinggalkan arwah mak. Kebun inilah punca pendapatan

mak cik sekeluarga," katanya.

Berikutan itu, satu laporan dibuat di Balai Polis Gemencheh untuk siasatan

lanjut kelmarin.

Ramlah yang juga ibu tunggal berkata, dia mengalamai kerugian ribuan ringgit dan punca pendapatannya turut terjejas.

"Kalau nak tanam semula pokok getah, saya perlu menunggu bertahun lagi sehingga pokok besar barulah boleh menoreh.

"Saya dah rugi masa dan wang kerana perbuatan khianat orang lain," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tampin, Supterintendan Ramlil Kasa berkata, pihaknya telah menerima laporan kejadian terbabit.

Katanya, pihaknya sedang menyasat kejadian tersebut mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksanan dan sedang mengesan suspek terlibat.